

8 Exco Perak letak jawatan perniagaan

IPOH, Khamis

KESEMUA lapan orang anggota EXCO Kerajaan Perak telah meletakkan jawatan perniagaan masing-masing, di samping mengisytiharkan hartabenda mereka seperti yang diarahkan.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh, ketika ditemui memberitahu hari ini, anggota-anggota EXCONYA dikehendaki mematuhi arahan itu kerana mereka sekarang bekerja sepenuh masa.

"Mereka tidak dibenarkan lagi melibatkan diri secara langsung dalam perniagaan," tambahnya.

Anggota-anggota EXCO yang terpaksa melepaskan jawatan perniagaan mereka ialah Encik Ramli Ngah Talib, Presiden Gerakan Dr.

Lim Keng Yauk, Encik Cheong Kai Fu dan Encik Peter Chin.

Encik Ramli adalah seorang peguam, Dr. Lim seorang doktor, Encik Cheong menjalankan perniagaan lombong dan perumahan manakala Encik Peter seorang jurutera di samping menjadi pemaaju perumahan.

Adalah difahamkan, perniagaan yang dijalankan oleh Encik Cheong dan Encik Peter sebelum ini adalah secara adik-beradik manakala Encik Ramli dan Dr. Lim dikatakan bersama-sama rakan kongsi.

Anggota-anggota EXCO yang terlibat itu difahamkan melepaskan tanggungjawab perniagaan mereka sama ada dengan saudara-mara atau rakan kongsi untuk menjalankan sepenuhnya.

Anggota-anggota

EXCO yang lain iaitu Datuk Malek Haji Ahmad sebelum ini adalah seorang ahli biasa Dewan Undangan Negeri, Encik Zainal Abidin bin Zin (bekas guru lepasan Universiti Sains), Haji Saldin Mat Plah (bekas guru dan ahli dewan biasa) dan Encik Wahab Abu Bakar (bekas pegawai kerajaan).

Sementara itu, di bawah peraturan baru Speaker Dewan Undangan Negeri Haji Zainal Abidin bin Zin juga telah diminta meninggalkan jawatan dalam perniagaan untuk bertugas sepenuh waktu.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed ketika mengulas perkara itu berkata, speaker itu adalah dalam peringkat perletakan jawatan dalam perniagaannya.

Haji Ahmad Azizuddin dikatakan menjadi pengarah beberapa buah

syarikat terkemuka di negara ini.

Mengulas lebih lanjut mengenai pengisytiharan anggota-anggota EXCO itu, Menteri Besar berkata: "Mereka telah diminta berbuat demikian dan akan memperkemas lagi cara sepertimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad."

Ditanya sama ada arahan telah diterima dari Datuk Seri Dr. Mahathir berhubung dengan anggota-anggota EXCO dikehendaki mematuhi arahan seperti yang dikehendaki, beliau berkata: "Sebelum pengumuman Perdana Menteri itu lagi kita telah menyedari tindakan yang harus diambil."

Datuk Seri Haji Wan Mohamed menegaskan soal sama ada terdapat di antara anggota EXCONYA ingin meletakkan jawatan semata-mata untuk menumpukan perniagaan mereka, tidak timbul.

Katanya anggota-anggota EXCO Negeri kini berpejabat sendiri yang disediakan oleh Kerajaan di jabatan-jabatan mengikut portfolio masing-masing.

Di antara kemudahan yang disediakan kepada mereka ialah seorang pembantu khas.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed menasihatkan anggota-anggota EXCONYA menjalankan tugas seperti yang diamanahkan untuk menjaga imej Kerajaan Negeri.

"Saya rasa elok mereka kurangkan bercakap tetapi lebihkan kerja agar sungutan orang ramai terhadap projek-projek Kerajaan tidak berterusan," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir semalam telah memberi kata dua kepada anggota-anggota EXCO, berhenti atau meninggalkan perniagaan masing-masing.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia